

# Upah, peta antara isu pekerja penghantar

**KUALA LUMPUR:** Pekerja sektor *p-hailing* berharap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membawa tiga isu pokok yang dihadapi kumpulan tersebut pada perjumpaan bakal diadakan bersama syarikat pengendali itu tidak lama lagi.

Presiden Persatuan Penghantar *p-hailing* Malaysia (Penghantar), Zulhelmi Mansor berkata, tiga isu utama adalah mengenai kadar upah, peta digital dan penamatan akaun.

Menurut beliau, tiga isu tersebut sudah membelunggu golongan penghantar *p-hailing* sehingga menyebabkan pendapatan bulanan mereka terjejas dan sehingga kini tidak diberi sebarang solusi.

“Upah kami semakin hari semakin rendah, jadi kami mengharapkan kerajaan mewujudkan pelan harga lantai bagi pengambalian dan penghantaran barangan.”

“Isu kedua mengetai peta digital yang ada jarak berbeza dengan jarak sebenar, di mana tidak ada penyelarasan. Ini betul-betul membebankan dan merugikan penghantar.”

“Kami turut memohon isu mengenai penamatan akaun dibangkitkan kerana ia kadang-kadang dibuat sesuka hati oleh pengendali tanpa memberi hak kepada penghantar *p-hailing*”



**PEKERJA *p-hailing* berharap pertemuan Perdana Menteri dan syarikat pengendali mampu merungkai tiga isu pokok yang dihadapi pekerja sektor itu ketika ini.**

untuk membelah diri,” katanya ketika dihubungi.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) akan memanggil kesemua syarikat pengendali *p-hailing* bagi memberikan penjelasan mengenai beberapa isu dihadapi penghantar makanan dan barang ketika ini.

Isa susulan seorang penghantar makanan mendakwa kadar penghantaran ketika ini semakin menurun daripada RM7 ke bawah, sekali gus mengurangkan pendapatan mereka.

Justeru, beliau meminta Ahli Parlimen Tambun tersebut supaya membantu mereka mencari penyelesaian.

Zulhelmi berkata, kerajaan boleh mencadangkan syarikat pengendali menurunkan kadar komisen yang diambil kepada pengusaha-pengusaha makanan atau vendor.

“Jika kadar komisen diturunkan, ia boleh memberikan kelegaan kepada pihak syarikat supaya kadar pendapatan bagi penghantar *p-hailing* akan kekal

dan tidak turun dari masa ke semasa.

“Kebanyakan vendor ini akan menaikkan harga makanan mengikut kadar komisen tersebut. Jadi, saya nampak penurunan tu juga akan membuatkan pihak pengguna tidak terbeban dengan kenaikan harga,” katanya.

Sementara itu, Zulhelmi berkata, kerajaan hari ini memberi kerjasama baik untuk menyelesaikan isu-isu dihadapi pekerja ekonomi gig dan harap isu mereka akan selesai.

TARIKH: 24/7/23  
SURAT KHABAR: *utusan Malaysia*  
MUKA SURAT: 12

*utusan Malaysia*  
24/7/23  
MS12